



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-88853001
 Faks (Fax): 603-88892187
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S) 328/2 Jld.15 (30)

13 November 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Berkanun
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg./YB Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGECUALIAN POTONGAN PINJAMAN PERUMAHAN BAGI
 PENGIRAAN PENDAPATAN BERSIH PENJAWAT AWAM**

Dengan hormat saya ingin menarik perhatian YBhg./YB Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas dan surat edaran JPA (Rujukan : JPA.BK(S)328/2 Jld.13(9)) bertarikh 24 Januari 2017 adalah dirujuk.


2. Untuk makluman YBhg./YB Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Jawatankuasa Khas Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Bilangan 5 Tahun 2017 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 3 Oktober 2017, telah menyarankan supaya pengecualian diberikan ke atas pelaksanaan arahan surat JPA.BK(S)328/2 Jld.13(9), ANM/SPP/M/3/10 Jld.20(11) dan Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 1994 bagi pinjaman yang melibatkan pembelian rumah untuk memastikan penjawat awam dapat memiliki rumah yang dianggap sebagai keperluan asas hidup.

3. Bagi memastikan hasrat tersebut terlaksana, dimaklumkan bahawa potongan pinjaman perumahan adalah dikecualikan daripada pengiraan potongan gaji 60% dalam slip gaji pegawai. Ini bermakna pegawai layak memohon pinjaman perumahan walaupun pengiraan potongan pinjaman perumahan menyebabkan pendapatan bersih (take home pay) kurang daripada 40%.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

Salinan kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)
No.9, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya